



BEM's 3-Min Concept Pitch Video Competition

In conjunction with the

BEM MINI CONVENTION 2021 HYBRID

SYARAT & TERMA PERTANDINGAN

1. Peserta perlu mencipta **Klip Video Tiga Minit** secara kreatif dengan tema berikut (pilih satu sahaja):
 - A. **A sustainable concept oil processing offshore platform design for East Malaysia's waters**
 - B. **Development concept of sustainable infrastructure while preserving East Malaysia environmental natural beauty**
 - C. **Using engineering concept how can you protect and conserve biodiversity in East Malaysia.**
2. Pertandingan **TERBUKA** kepada semua Orang Berdaftar (Registered Person) dengan Lembaga Jurutera Malaysia atau Board of Engineers Malaysia (BEM).
3. Tarikh tutup penyertaan adalah pada **16 OKTOBER 2021 sebelum jam 11.59 malam**. Sebarang penyertaan yang diterima selepas tarikh ini tidak akan dilayan.
4. Dengan menyertai pertandingan ini, peserta bersetuju dan mengakui bahawa BEM sebagai penganjur dibenarkan untuk menerima data penyertaan anda. Semua maklumat peribadi yang digunakan oleh BEM adalah bersesuaian dengan dasar privasi selaras dengan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.
5. Setiap peserta dibenarkan untuk menghantar **LEBIH DARI SATU PENYERTAAN** tetapi **PEMENANG HANYA LAYAK MENERIMA SATU (1) HADIAH** sahaja.
6. Video yang dihantar hendaklah **ASLI** iaitu video yang disediakan sendiri oleh peserta dan peserta adalah pemilik tunggal video yang ditandingkan.
7. Video yang dipertandingkan mestilah tidak melanggar hak cipta, tanda dagang, hak kontrak, hak harta intelek dan hak-hak pihak ketiga termasuk hak melindungi kerahsian peribadi dan hak publisiti seperti yang dinyatakan di bawah Akta Hak Cipta 1987, Akta Cap Dagangan 1976 dan lain-lain undang-undang berkaitan.



8. Video yang dipertandingkan mestilah tidak mengandungi sebarang unsur negatif, mengancam keselamatan negara & individu, palsu, tidak memfitnah, tidak lucah dan tidak menyalahi undang-undang negara.
9. Video yang dipertandingkan mestilah tidak menyalahguna haiwan dengan mencederakan atau dimanipulasi dalam penghasilan video.
10. BEM tidak akan bertanggungjawab sekiranya terdapat sebarang tuntutan hakmilik ke atas karya yang dihantar. Dengan menyertai pertandingan ini peserta juga bersetuju untuk memberi ganti rugi sepenuhnya kepada BEM berkenaan dengan semua royalti, yuran dan wang lain yang terhutang kepada mana-mana orang dengan alasan anda melanggar mana-mana perkara dinyatakan di atas.
11. BEM berhak, mengikut budi bicara mutlakanya, membatalkan penyertaan yang tidak lengkap, rosak atau tidak tidak cukup syarat.
12. Setiap penyertaan adalah hak mutlak BEM. BEM dan rakan strategik boleh menggunakan penyertaan peserta untuk tujuan pemasaran dan promosi berkaitan program ini sahaja. Peserta dengan ini memberikan penganjur *non-exclusive and irrevocable licence* dalam penyertaan sepanjang tempoh program dan selepas tarikh program.
13. Peserta juga bersetuju untuk mengambil bahagian dalam publisiti yang berkaitan dan penggunaan nama dan kesamaan anda untuk tujuan pengiklanan, promosi dan publisiti tanpa pampasan tambahan.
14. Ahli jawatankuasa pertandingan **TIDAK DIBENARKAN** untuk menyertai pertandingan.
15. BEM berhak mendapatkan bukti penyertaan dan tidak terhad kepada cara-cara penyertaan yang telah dinyatakan.
16. BEM berhak membuat sebarang perubahan maklumat, hadiah dan lain-lain sepanjang tempoh pertandingan.
17. BEM tidak akan bertanggungjawab terhadap apa jua kesulitan atau sebarang perkara yang tidak diingini yang berlaku/terjadi sewaktu tempoh pertandingan atau di luar tempoh pertandingan.
18. Keputusan juri dan BEM adalah muktamad dan tiada rundingan dibenarkan.

FORMAT PERTANDINGAN

1. Peserta perlu mencipta klip video berdurasi **tiga (3) minit** secara kreatif berdasarkan tema **yang diberikan**.
2. Hantarkan penyertaan dengan memuat naik video di Facebook peserta berserta kapsyen yang memenuhi kriteria tema, tag @BEMEngineers, follow @BEMEngineers dan sertakan tanda pagar (hashtag) seperti di bawah :

#BEMconceptpitch #BEMminiconvention2021hybrid #BEMEngineers #bemformalaysia
#malaysiaengineer



3. Profil Facebook peserta mestilah pada **tatapan umum (public)** untuk juri melihat video yang ditandingkan.
4. Peserta perlu mendaftar penyertaan dengan mengimbas **kod QR** and seterusnya mengisi butir-butir yang terdapat di dalam borang pendaftaran tersebut (**Google Form**).
5. Pemenang akan dipilih berdasarkan bilangan like, kreativiti dan penilaian oleh juri.
6. **Tarikh penyertaan bermula pada 16 September 2021 dan berakhir pada 16 Oktober 2021. Tempoh “like” bermula pada tarikh penyertaan sehingga 23 Oktober 2021. Penyertaan awal memberi kelebihan “like” kepada peserta.**
7. Senarai penyertaan terpilih akan diumumkan pada **9 November 2021** di laman sesawang rasmi Facebook BEM. Pengumuman pememenang dari senarai penyertaan terpilih akan diumumkan pada **16 November 2021**.

HADIAH PERTANDINGAN

1. Sebanyak sepuluh (10) pemenang akan dipilih.
2. Setiap pemenang, mengikut kedudukan, akan menerima hadiah seperti berikut:-
 - Tempat Pertama – Ipad Pro 11”
 - Tempat Kedua – Ipad Air 256G
 - Tempat Ketiga – Ipad Air 64G
 - Tempat keempat hingga ke=10 – Shopee Voucher RM 200/placing
 - Sijil Penyertaan dan saguhati kepada para peserta
3. Tiada alternatif tunai untuk pemenang hadiah.